



06 MAY, 2020

## Beli hasil tani, bantu penduduk susah

SelangorKini, Malaysia

Page 1 of 2

### Beli hasil tani, bantu penduduk susah

**SHAH ALAM** - Ahli Dewan Negeri Bukit Melawati mengambil inisiatif membeli hasil pertanian penduduk bagi membantu mereka yang mengalami kerugian sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Juwairiya Zulkifli berkata semua hasil tani kemudian diagihkan kepada kumpulan memerlukan di Dewan Undangan Negeri (DUN) berkenaan.

"Pendekatan itu diambil kerana ada petani tidak dapat menjual hasil pertanian di pasar borong, pasar tani dan pasar malam yang menyebabkan berlaku lambakan sehingga harga jualan amat rendah berbanding pasaran.

"Saya membeli 100 kilogram (kg) ubi kayu serta masing-masing 30kg sayur dan kacang panjang untuk disumbangkan kepada penduduk Kampung Tanjung Keramat. Situasi menang-menang wujud untuk petani dan penduduk kampung yang amat memerlukan bantuan," katanya pada 26 April lalu.



06 MAY, 2020

## Beli hasil tani, bantu penduduk susah

SelangorKini, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

SHAH ALAM - Ahli Dewan Negeri Bukit Melawati mengambil inisiatif membeli hasil pertanian penduduk bagi membantu mereka yang mengalami kerugian sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Juwairiya Zulkifli berkata semua hasil tani kemudian diagihkan kepada kumpulan memerlukan di Dewan Undangan Negeri (DUN) berkenaan. "Pendekatan itu diambil kerana ada petani tidak dapat menjual hasil pertanian di pasar borong, pasar tani dan pasar malam yang menyebabkan berlaku lambakan sehingga harga jualan amat rendah berbanding pasaran.